



13 OCT, 2020

## SMK Bandar Bintulu ditutup tujuh hari

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# SMK Bandar Bintulu ditutup tujuh hari

**KUCHING:** Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Bintulu ditutup untuk tempoh tujuh hari mulai 10 hingga 16 Oktober 2020.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) menerusi kenyataan berkata arahan penutupan dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Penutupan tersebut katanya, adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi dijalankan

seperti yang terkandung dalam surat Arahan Penutupan Sekolah kerana pengesahan kes jangkitan COVID-19 daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

JPBNS turut memaklumkan terdapat empat pusat hiburan telah diarahkan tutup berikutan pelanggaran prosedur operasi standard Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

"Pusat hiburan yang melanggar SOP PKPP diarahkan tutup selama 14

hari bermula dari tarikh kompaun dikeluarkan.

"Manakala pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen diarahkan tutup atau dikenakan tindakan yang lebih berat.

"Bagi pusat hiburan yang lesen telah tamat tempoh diarahkan tutup sehingga lesen diperbaharui," katanya.

Dalam pada itu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah mengeluarkan 91 amaran lisan, bertulis dan sitaan di kawasan seliaan Sembilan

pihak berkuasa tempatan (PBT) semalam.

Manakala sebanyak 1,566 premis telah dipantau melibatkan pasar raya, restoran, kilang, bank, pejabat kerajaan, penjaja, pasar tani/awam, tempat ibadat, tempat riadah, tapak pembinaan dan lain-lain.

Mengenai sekatan jalan raya Ops Benteng yang dijalankan di lima daerah iaitu Lundu, Bau, Serian, Sri Aman dan Lubok Antu, sebanyak 988 kenderaan telah diperiksa.



13 OCT, 2020

## SMK Bandar Bintulu ditutup tujuh hari

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Bintulu ditutup untuk tempoh tujuh hari mulai 10 hingga 16 Oktober 2020. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) menerusi kenyataan berkata arahan penutupan dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Penutupan tersebut katanya, adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi dijalankan

seperti yang terkandung dalam surat Arahan Penutupan Sekolah kerana pengesahan kes jangkitan COVID-19 daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.